



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | MEDIA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Disember 23, 2013

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS  
PERKHIDMATAN

| A- | A |  
A+ | ENGLISH

## BERITA »

### Kajian antitumor UPM raih geran penyelidikan bernilai

Oleh Muhamad Najkhan Mazlan



**KUALA LUMPUR, 3 Dis (UPM)** – Penggunaan virus sebagai agen anti tumor atau agen pencegah sel kanser membawa tuah kepada penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila memenangi hadiah geran penyelidikan bernilai RM30 ribu dari Majlis Kanser Nasional (MAKNA).

Penyelidik Dr. Yeap Swee Kong, 31, yang menerima hadiah Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA 2013 (**MAKNA Cancer Research Award 2013**) berkata penyelidikannya mengenai Virus Penyakit Newcastle (NDV), iaitu virus yang selalu menyerang ternakan dikenal pasti sebagai agen anti kanser kerana sifatnya yang selektif terhadap sel kanser dan bukan pada sel hidup sihat yang normal.

"Mekanisme NDV sebagai agen anti kanser masih lagi berada di peringkat kajian dan kami di UPM sedang melihat sejauh mana keberkesanan NDV ini untuk mengekang sel kanser terutama kanser payudara," katanya pada majlis Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA 2013 di sini.



Dr. Yeap yang bertugas sebagai Felo Penyelidik di Laboratori Vaksin & Imunoterapeutik, Institut Biosains menjelaskan kajian makmal terhadap penggunaan NDV itu dilakukan secara *in-vitro* dengan menggunakan kaedah *Advance Sequencing Technique* yang merupakan kaedah termaju bagi penyelidikan berkaitan sel hidup.

"Kajian saya buat masa ini lebih tertumpu pada kanser payudara kerana ia merupakan penyakit barah yang paling banyak menyerang manusia bukan sahaja di Malaysia tetapi juga seluruh dunia selain kanser paru-paru.

"Saya berharap melalui kajian ini ia dapat memberikan harapan kepada semua penghidap kanser bahawa masih ada sinar untuk pulih daripada penyakit kronik yang

mereka deritai," katanya.

Hadiah kemenangan disampaikan oleh Presiden Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Datuk Mohd Farid Ariffin di Akademi Sains Malaysia. Turut hadir Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia, Dato' Dr. Samsudin Tugiman.

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat : 3926181  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 20 Dec 2013

